



## NOTIS MAKLUMAN

### PENAFIAN BERKENAAN AGEN/PIHAK KETIGA BAGI URUSAN PELANGGAN LPPSA

Dimaklumkan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) adalah satu-satunya agensi yang mengendalikan segala urusan pembiayaan perumahan sektor awam.

LPPSA tidak melantik atau pun memberi kuasa kepada mana-mana agen atau pihak ketiga untuk bertindak bagi LPPSA.

Bakal peminjam dan mana-mana pihak yang ingin berurusan dengan LPPSA perlu berhubung terus dengan LPPSA.

LPPSA tidak menerima atau pun meminta sebarang deposit untuk sebarang urusan berkaitan pinjaman perumahan. Para peminjam perlu melengkapkan sendiri borang permohonan pinjaman yang telah disediakan. Semua maklumat boleh di dapat di Laman Web Rasmi LPPSA sahaja.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di [www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my).